

# KOD TINGKAH LAKU PELAWAT DI KAMPUS FRIM





# **KOD TINGKAH LAKU PELAWAT DI KAMPUS FRIM**



**KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR (NRE)  
INSTITUT PENYELIDIKAN PERHUTANAN MALAYSIA (FRIM)**

© Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia 2016

Penerbitan ini boleh diterbitkan secara keseluruhan atau sebahagiannya untuk tujuan pembelajaran atau tidak melibatkan keuntungan dengan kelulusan dari pemegang hak cipta.

Penerbitan semula untuk tujuan komersil dan jualan adalah dilarang tanpa mendapat keizinan bertulis dari pemegang hak cipta.

Disusun oleh : Dr. Noor Azlin Yahya  
Dr. Ahmad Nazarudin Mohd Roseli  
Norhayati Nordin  
Toh An Nee  
Lim Chung Lu

Penghargaan : Mohd Nasrul Mohd Nawi  
Liza Ismail  
Wan Mohd Nafizul Hal-Alim Wan Ahmad  
Suharti Samod

Dicetak oleh : Cawangan Penerbitan FRIM

Diterbitkan oleh : Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia  
(FRIM) 52109 Kepong Selangor Darul Ehsan

## **KANDUNGAN**

	<b>Mukasurat</b>
<b>BAHAGIAN 1 - DEFINISI/TAFSIRAN</b>	<b>1</b>
<b>BAHAGIAN 2 - PERATURAN UMUM</b>	<b>2</b>
1.0 Polisi	2
2.0 Waktu Operasi	2
3.0 Kawasan Riadah	3
4.0 Liabiliti/Tanggungjawab Pelawat	4
5.0 Permit/Pas	4
6.0 Tingkah-laku Pelawat	5
7.0 Aplikasi	6
8.0 Surat Akuan	6
<b>BAHAGIAN 3 - PERATURAN-PERATURAN UNTUK AKTIVITI SPESIFIK</b>	<b>7</b>
1.0 Titian Silara	7
2.0 Tapak Perkhemahan Kem perah	8
3.0 Aktiviti Memerhati Burung	9
4.0 Berbasikal lasak	10
5.0 Joging	11
6.0 Treking	12

## **BAHAGIAN 1 - DEFINISI/TAFSIRAN**

- “FRIM” Institut Penyelidikan yang ditubuhkan di bawah Seksyen 11 Akta Lembaga Penyelidikan dan Pembangunan Perhutanan Malaysia (MFRDB) 1985.
- “Kampus FRIM” Mana-mana kawasan tanah atau air, yang dikendalikan atau yang ditubuhkan oleh FRIM, dan semua tumbuh-tumbuhan atau bahan-bahan semula jadi, bangunan, peralatan, monumen, struktur dan kandungannya yang terletak di FRIM yang beralamat di Kepong, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.
- “Pelawat” Orang awam yang diberi kebenaran oleh FRIM untuk memasuki Kampus FRIM untuk aktiviti bukan riadah atau riadah tetapi tidak terhad kepada aktiviti-aktiviti seperti berjoging, berbasikal dan aktiviti-aktiviti lain yang dibenarkan oleh FRIM dari semasa ke semasa.
- “Penguasa FRIM” Individu yang dilantik secara rasmi oleh FRIM untuk menguat kuasa peraturan-peraturan bagi memastikan suasana selamat dan sesuai untuk pelawat kampus FRIM.

## **BAHAGIAN 2 - PERATURAN UMUM**

### **BAB 1.0 - POLISI**

FRIM komited untuk menyediakan kemudahan riadah yang berkualiti dalam persekitaran yang selamat, sihat dan menyeronokkan kepada Pelawat di dalam kampus FRIM. Bagi memenuhi komitmen ini, para Pelawat adalah tertakluk kepada peruntukan yang terkandung dalam Kod Tingkah Laku ini. Kod Tingkah Laku ini memerlukan para Pelawat untuk memastikan tingkah laku dan kelakuan mereka adalah rasional dan munasabah.

### **BAB 2.0 - WAKTU OPERASI**

2.1 Aktiviti oleh Pelawat di dalam Kampus FRIM hanya

**DIBENARKAN** pada:

- a) Hari Bekerja:-
  - i) Waktu pertama: 5.30 pagi – 7.30 pagi; dan,
  - ii) Waktu kedua: 8.30 pagi – 7.30 petang
- b) Cuti Umum: 5.30 pagi – 7.30 petang.
- c) Masa terakhir untuk memasuki Kampus FRIM: 6.30 petang.

2.2 Pelawat hanya dibenarkan untuk meletakkan kenderaan di kawasan parkir yang telah ditetapkan sahaja dan **DILARANG** sama sekali untuk meletakkan kenderaan di parkir yang dikhususkan untuk kakitangan FRIM. Pelawat adalah dilarang mengalihkan kon yang terletak di parkir khusus untuk kakitangan atau pelawat yang mempunyai janjitemu di Kampus FRIM.

- 2.3 Tempahan awal adalah diperlukan dan seorang jurupandu alam diwajibkan untuk memasuki denai-denai alam. Pelawat perlu berdaftar di Pusat Perkhidmatan Setempat semasa ketibaan.
- 2.4 Sila rujuk laman web FRIM/Pusat Perkhidmatan Setempat untuk maklumat lanjut berkaitan denai-denai yang dibenarkan. FRIM berhak untuk menutup mana-mana kawasan atau kemudahan jika perlu.
- 2.5 Tiket yang telah dibeli tidak boleh dipulangkan.

### **BAB 3.0 - KAWASAN RIADAH**

- 3.1 Kawasan yang **DIBENARKAN** untuk semua aktiviti-aktiviti riadah kecuali berbasikal lasak adalah seperti berikut:
- a) Jalan Foxworthy
  - b) Jalan Jelutong
  - c) Jalan Kapur
  - d) Taman Botani Kepong
  - e) Jalan Kg. Jawa
- 3.2 Aktiviti berbasikal lasak hanya **DIBENARKAN** di kawasan denai yang telah ditetapkan (Bahagian 3; Bab 4).
- 3.3 Pelawat lain yang melakukan aktiviti selain berbasikal lasak adalah **DILARANG** sama sekali untuk menggunakan kawasan denai yang ditetapkan untuk berbasikal lasak untuk mengelakkan kemalangan yang tidak diingini.



## **BAB 4.0 - LIABILITI/TANGGUNGAN PELAWAT**

- 4.1 Kecuali untuk perkara-perkara yang dilarang oleh undang-undang, Pelawat adalah bertanggungjawab menanggung semua liabiliti untuk apa-apa kerosakan, kerugian atau kecelakaan yang mungkin timbul dari lawatan Pelawat ke Kampus FRIM. FRIM tidak membuat representasi atau jaminan, secara keseluruhan atau sebahagian, yang nyata atau tersirat untuk bertanggungjawab menanggung apa-apa kerosakan, kerugian dan kemalangan yang mungkin terjadi dari lawatan Pelawat ke Kampus FRIM.

## **BAB - 5.0 PERMIT/PAS**

- 5.1 Permit/Pas akan dikeluarkan untuk para Pelawat bagi tujuan penggunaan dan melakukan aktiviti di dalam Kampus FRIM. FRIM berhak melarang mana-mana Pelawat daripada memasuki Kampus FRIM dan membatalkan mana-mana Permit/Pas tahunan di dalam situasi di mana Pelawat telah dan melakukan apa-apa perbuatan yang menghalang, melengahkan atau mengganggu pergerakan Pelawat lain dan kakitangan FRIM, menghalang operasi FRIM atau aktiviti di dalam Kampus FRIM.
- 5.2 Pelawat dikehendaki, menunjukkan Permit/Pas kepada pihak berkuasa FRIM, sekiranya diarah berbuat demikian semasa berada di dalam Kampus FRIM. Kegagalan untuk mengikuti peraturan dan arahan ini akan dikenakan tindakan oleh pihak FRIM.

## BAB 6.0 - TINGKAH LAKU PELAWAT

- 6.1 Pelawat adalah **DILARANG** daripada melakukan perkara-perkara berikut semasa lawatan di kampus FRIM:
- a) Membuang sampah di merata-rata tempat;
  - b) Memancing, memburu, memberi makan dan mengganggu binatang liar;
  - c) Mengumpul tumbuhan-tumbuhan dan sumber-sumber semulajadi tanpa kebenaran;
  - d) Bekelakuan dan berpakaian yang tidak sopan serta menjolok mata di kawasan terbuka;
  - e) Melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti yang menyalahi undang-undang termasuk penyalahgunaan dadah, minum arak atau apa-apa aktiviti yang merbahaya;
  - f) Bersikap tidak prihatin atau menimbulkan perasaan tidak senang kepada pelawat lain seperti kumpulan-kumpulan besar yang mengganggu keselesaan Pelawat lain;
  - g) Meletak kenderaan di kawasan larangan;
  - h) Memasuki mana-mana bangunan dan kawasan tanpa kebenaran;
  - i) Membuat apa-apa jenis pembakaran secara terbuka;
  - j) Memandu secara merbahaya atau menimbulkan ketidakselesaan kepada pelawat lain;
  - k) Merosakkan, mengubah sifat fizikal dan melakukan aktiviti berunsur vandalisma ke atas harta benda FRIM dan sumber-sumber semulajadi;
  - l) Melakukan aktiviti riadah di kawasan selain daripada kawasan yang dinyatakan dalam Bahagian 2; Bab 3;
  - m) Membawa masuk haiwan peliharaan;
  - n) Membuka denai baru tanpa kebenaran FRIM; dan

- o) Melakukan perkara-perkara selain yang telah dinyatakan atau apa-apa akitviti di dalam pendapat pihak FRIM yang mencurigakan atau menjejaskan ketenteraman Pelawat atau kakitangan FRIM.

## **BAB 7.0 - APLIKASI**

Kod Tingkah Laku Pelawat di Kampus FRIM ini terpakai bagi semua aktiviti yang dijalankan di dalam Kampus FRIM tetapi ianya tidak terhad kepada aktiviti yang disebut dalam Kod Tingkah Laku ini sahaja.

FRIM berhak menentukan aktiviti-aktiviti yang dianggap tidak sesuai.

## **BAB 8.0 - SURAT AKUAN**

Pelawat diwajibkan untuk menandatangani Surat Akuan seiring dengan penguatkuasaan **Kod Tingkah Laku Pelawat di Kampus FRIM**.

### **BAHAGIAN 3 - PERATURAN-PERATURAN UNTUK AKTIVITI SPESIFIK**

#### **BAB 1.0 - TITIAN SILARA**

- 1.1 Hanya Pelawat yang mempunyai kebenaran atau tiket yang dikeluarkan oleh Pusat Perkhidmatan Setempat dibenarkan menggunakan Titian Silara.
- 1.2 Perkhidmatan jurupandu alam FRIM mesti digunakan bagi Pelawat yang datang secara berkumpulan dan mempunyai sejumlah 10 orang dan ke atas.
- 1.3 Hanya empat (4) Pelawat sahaja dibenarkan untuk berada di atas laluan Titian Silara dalam satu masa.
- 1.4 Pelawat dinasihatkan untuk menjaga jarak di antara satu sama lain sekurang-kurangnya lima (5) meter semasa di laluan Titian Silara.
- 1.5 Pelawat hanya dibenarkan untuk mengambil gambar ketika berada di pelantar pemerhatian dan bukan di laluan Titian Silara.
- 1.6 Pelawat adalah **DILARANG**:
  - a) Bersandar di pagar laluan Titian Silara;
  - b) Berkumpul di satu tempat pada satu masa ketika berada di laluan Titian Silara,
  - c) Merokok, berlari, menggoyang, melompat dan melakukan perkara-perkara yang membahayakan kepada Pelawat lain ketika menggunakan Titian Silara; dan
  - d) Melakukan vandalisma terhadap apa-apa struktur berkaitan Titian Silara dan pokok-pokok.

- 1.7 Pelawat adalah bertanggungjawab sepenuhnya ke atas keselamatan diri dan barang-barang peribadi mereka. FRIM tidak akan bertanggungjawab atas kerosakan, kemalangan ataupun kerugian yang dialami oleh Pelawat semasa menggunakan Titian Silara.

## **BAB 2.0 - TAPAK PERKHEMAHAN KEM PERAH**

Pelawat, di bawah bab ini merujuk kepada Pelawat yang telah diberikan kebenaran untuk menggunakan tapak perkhemahan.

- 2.1 Pelawat dikehendaki untuk memberikan senarai nama ahli kumpulan dan maklumat yang berkaitan untuk tujuan rekod dan kecemasan pihak FRIM semasa membuat tempahan penggunaan Tapak Kem Perah.
- 2.2 Tempahan yang telah dibuat oleh Pelawat hanya akan disahkan selepas pembayaran penuh dibuat. Sekiranya Pelawat tidak menggunakan Kem Perah selama seperti yang ditempah, FRIM tidak akan bertanggungjawab untuk memulangkan bayaran baki sekiranya tempoh perkhemahan disingkatkan atas permintaan Pelawat sendiri.
- 2.3 Makanan halal sahaja dibenarkan untuk dibawa masuk ke tapak perkhemahan.
- 2.4 Ketua Pelawat bertanggungjawab ke atas setiap aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh ahli kumpulannya.
- 2.5 Pelawat daripada sekolah dikehendaki mendapatkan surat kebenaran daripada pihak sekolah dan setiap kumpulan yang hadir perlu diiringi oleh guru yang telah

dipertanggungjawabkan semasa menjalankan aktiviti-aktiviti di dalam Kampus FRIM.

- 2.6 Pelawat dinasihatkan untuk melakukan rondaan sendiri bagi memastikan keselamatan ahli kumpulan mereka.
- 2.7 Pelawat diwajibkan untuk membersihkan kawasan Kem Perah selepas ia digunakan untuk memastikan persekitaran tidak tercemar dan terjaga. Bahan-bahan buangan perlu dibawa ke tempat pengumpulan sampah sarap yang telah dikhaskan.
- 2.8 Pelawat adalah **DILARANG**:
- a) Menyalakan unggun api di dalam/berhampiran kawasan khemah;
  - b) Memasak di dalam/berdekatan dengan khemah;
  - c) Membuang sampah merata-rata di kawasan perkhemahan;
  - d) Melakukan pembaziran air dan elektrik; dan
  - e) Membawa masuk kenderaan ke tapak perkhemahan tanpa kebenaran.

\*Sebarang aktiviti yang melibatkan pembakaran api perlu dilakukan oleh Penyelia Khemah.

### **BAB 3.0 - AKTIVITI PEMERHATIAN BURUNG**

Aktiviti Pemerhatian Burung merupakan salah satu aktiviti menarik di dalam Kampus FRIM kerana di sini terdapat habitat khusus untuk spesies burung tempatan tertentu dan juga kawasan persinggahan untuk sesetengah spesies burung yang tidak dapat ditemui di tempat-tempat yang lain. Pelawat diwajibkan untuk mengambil langkah-langkah berikut:

- 3.1 Pelawat tidak dibenarkan mengganggu burung-burung di dalam habitatnya. Penggunaan telefon bimbit, audio elektronik dan bercakap dengan suara yang kuat adalah dilarang sama sekali. Kebajikan burung perlu menjadi keutamaan.
- 3.2 Pelawat tidak dibenarkan menggunakan rakaman bunyi burung untuk menarik perhatian burung kerana ini akan menyebabkan mereka terhenti daripada melakukan aktiviti biasa dan mengancam habitat mereka.
- 3.3 Penggunaan lampu *flash* tidak dibenarkan sama sekali semasa mengambil gambar.
- 3.4 Pelawat mesti menghormati pelawat lain semasa melakukan aktiviti masing-masing.
- 3.5 Pemerhatian burung di denai-denai alam perlu mendapat khidmat jurupandu.
- 3.6 Pelawat terikat dengan undang-undang dan peraturan di kampus FRIM seperti yang dinyatakan dalam Bahagian 2.

#### **BAB 4 - BERBASIKAL LASAK**

- 4.1 Pelawat yang dimaksudkan dalam bab ini ialah Pelawat yang diberikan Permit/Pas oleh pihak FRIM untuk menggunakan basikal lasak di dalam Kampus FRIM.
- 4.2 Trek untuk aktiviti berbasikal lasak dibuka dari jam **5.30 pagi** sehingga **7.30 petang**.

- 4.3 Pelawat dihadkan untuk melakukan aktiviti ini hanya di kawasan/trek yang telah ditetapkan.
- 4.4 Permit/Pas haruslah ditunjukkan kepada pihak FRIM ketika Pelawat ingin menggunakan kawasan yang telah ditetapkan. Permit/Pas tidak boleh ditukar milik kepada Pelawat yang lain.
- 4.5 Pakaian yang bersesuaian termasuk topi keselamatan perlu dipakai semasa aktiviti berbasikal lasak.
- 4.6 Pelawat terikat dengan undang-undang dan peraturan di kampus FRIM seperti yang dinyatakan dalam Bahagian 2. Sila rujuk laman web/Pusat Perkhidmatan Setempat FRIM untuk maklumat semasa berkenaan laluan yang dibenarkan.

## **BAB 5 – JOGING**

- 5.1 Pelawat perlu mematuhi undang-undang dan peraturan di Bahagian 2, atau Permit/Pas mereka di batalkan.
- 5.2 Laluan yang dibenarkan untuk aktiviti berjoging seperti yang dinyatakan dalam Bahagian 2; Bab 3.0.
- 5.3 Pelawat disarankan untuk memakai pakaian yang bersesuaian dan tidak menjolok mata atau menyebabkan ketidakselesaan kepada penghuni atau pelawat lain di Kampus FRIM.
- 5.4 Pelawat perlu sentiasa berwaspada dengan keadaan lalu lintas dan bertanggungjawab ke atas diri sendiri.



## **BAB 6 – TREKING**

- 6.1 Semua Pelawat perlu berdaftar di Pusat Perkhidmatan Setempat untuk aktiviti trekking.
- 6.2 Seorang jurupandu alam perlu sentiasa bersama pelawat sepanjang aktiviti ini.
- 6.3 Bayaran akan dikenakan untuk perkhidmatan jurupandu alam. Maksimum 25 pelawat boleh dipandu oleh seorang jurupandu alam.
- 6.4 Denai-denai alam termasuk:
  - a) Keruing
  - b) Salleh
  - c) Sebasah
  - d) Engkabang
  - e) Razak
  - f) Denai Rover
- 6.5 Pelawat terikat dengan undang-undang dan peraturan di kampus FRIM seperti yang dinyatakan dalam Bahagian 2.

\*Dalam apa-apa hal berkaitan, Ketua Pengarah FRIM berkuasa meminda, menambah, membatalkan dan mengecualikan syarat-syarat seperti di dalam Kod Tingkah Laku Pelawat Di Kampus FRIM dari semasa ke semasa.



Reka bentuk & cetakan oleh:  
Unit Percetakan, Cawangan Penerbitan  
**Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM)**